

## PENJAGAAN ANAK-ANAK YANG MENYERONOKKAN

Kamarul Azmi Jasmi  
Zafirah Sahir  
Nur Asmidar Halim

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Sahir, Z. Halim, N. A. (2012). Penjagaan Anak-Anak yang Menyeronokkan in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 115-140. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Anak-anak merupakan anugerah yang sangat bernilai daripada Allah. Sebagai hamba-Nya, kita mestila menyayangi, menjaga serta mendidik anak-anak dengan betul serta mengikut cara yang digalakkan dalam Islam supaya anak kita akan datang menjadi insan yang berguna pada negara, bangsa dan agama. Kertas kerja ini menunjukkan serba sedikit cara-cara didikan ibu bapa kepada anak-anak mereka. Sama ada mengikut sikologi atau mengikut cara Islam. Kertas kerja ini dimulakan dengan adab-adab bersenda gurau mengikut Islam. Sekali gus bersenda gurau dapat mengeratkan silaturrahim bukan sahaja antara ahli keluarga. Malah antara masyarakat juga. Seterusnya, memberi kaitan antara ketawa dan kesihatan. Hal ini demikian kerana, ketawa terdapat kebaikan dan keburukan juga. Bukan itu sahaja, kertas kerja ini juga menunjukkan ibu bapa merupakan contoh yang terdekat kepada anak-anak. Ibu bapa lah yang akan mencorakkan mereka sejak dari kecil lagi. Selain itu, anak-anak haruslah meluangkan masa bersama kedua ibu bapa mereka. Guru juga diibaratkan ibu bapa kedua kepada anak-anak. Akhir sekali, sikap peribadi dan minda muslim haruslah diamalkan dalam kehidupan seharian.

# 7

## PENJAGAAN ANAK-ANAK YANG MENYERONOKKAN

Kamarul Azmi Jasmi

Zafirah Sahir

Nur Asmidar Halim

### Abstrak

Anak-anak merupakan anugerah yang sangat bernilai daripada Allah. Sebagai hamba-Nya, kita mestila menyayangi, menjaga serta mendidik anak-anak dengan betul serta mengikut cara yang digalakkan dalam Islam supaya anak kita akan datang menjadi insan yang berguna pada negara, bangsa dan agama. Kertas kerja ini menunjukkan serba sedikit cara-cara didikan ibu bapa kepada anak-anak mereka. Sama ada mengikut sikologi atau mengikut cara Islam. Kertas kerja ini dimulakan dengan adab-adab bersenda gurau mengikut Islam. Sekali gus bersenda gurau dapat mengeratkan silaturrahim bukan sahaja antara ahli keluarga. Malah antara masyarakat juga. Seterusnya, memberi kaitan antara ketawa dan kesihatan. Hal ini demikian kerana, ketawa terdapat kebaikan dan keburukan juga. Bukan itu sahaja, kertas kerja ini juga menunjukkan ibu bapa merupakan contoh yang terdekat kepada anak-anak. Ibu bapa lah yang akan mencorakkan mereka sejak dari kecil lagi. Selain itu, anak-anak haruslah meluangkan masa bersama kedua ibu bapa mereka. Guru juga diibaratkan ibu bapa kedua kepada anak-anak. Akhir sekali, sikap peribadi dan minda muslim haruslah diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

### PENGENALAN

Anak-anak merupakan kain putih yang hanya mengikut corak yang diukirkan oleh ibu bapa masing-masing. Mereka juga merupakan amanah Allah kepada kedua orang tuanya. Ia akan menerima apa

saja yang diukirkan oleh mereka. Jikalau dicorakkan dengan kebaikan maka bersinarlah hidup mereka dengan cahaya kebaikan. Maka setiap ibu bapa atau pendidiknya akan mendapat pahala. Dan sebaliknya apabila di corakkannya dengan kejahanan maka terjadilah seperti haiwan-haiwan liar yang berkeliaran maka dosanya akan terpikul dibahu pihak yang mendidik dan menjaganya. Seperti Allah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا فَلَا أَنْفَسْكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا

Maksud: *Wahai orang yang beriman, lindungilah dirimu dan keluargamu dari api neraka.*

(Surah *al-Tahrim*, 66:6)

Adab sopan haruslah diajarkan kepada anak-anak agar dapat menyenangi orang lain. Selain itu, anak-anak juga haruslah disalurkan dengan akhlak dan perangai yang terpuji. Pemantauan terhadap mereka haruslah selalu dilakukan agar pergaulan bebas tidak menyesatkan mereka. Sebagai ibu bapa juga tidak harus melimpahkan anak-anak dengan kemewahan yang melampaui agar usianya kelak tidak disia-siakan. Rasullullah s.a.w. Bersabda (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ  
عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِبْرَاهِيمَ يَهُودَانِهِ وَيُنَصَّرَانِهِ وَيَمْجَسَانِهِ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkristiankannya atau memajusikannya."*

(Muslim)

Terdapat pelbagai cara untuk ibu bapa mendidik anak-anak. Antaranya ialah mendidik mereka dengan cara yang menyeronokkan agar mereka tidak rasa terlalu tertekan dan terkongkong. Hal ini demikian sekali gus dapat mengeratkan hubungan diantara ibu bapa dan anak-anak. Bukan itu sahaja, kemesraan juga akan terjalin dan hubungan kekeluargaan lebih diutamakan.

### **ADAB BERGURAU SENDA**

Dalam kehidupan kita ini, kita perlu juga dihiasi dengan gurau senda bagi mengubat kesedihan. Hidup kita juga menjadi lebih indah jika diselitkan dengan hilai tawa seseorang. Di sisi agama Islam membolehkan umatnya bergurau senda tetapi tidak berlebih-lebihan sehingga lalai dari mengingati Allah S.W.T. dan tanggugjawab seorang muslim. Terdapat beberapa syarat dan adab yang perlu kita pelihara ketika bergurau senda supaya disenangi oleh orang lain (Rahmat Ismail, 1997: 151).

Kita hendaklah menggelakkan diri daripada menggunakan perkataan yang kasar atau menyebabkan orang lain berkecil hati. Sekiranya terlalu serius dalam bergurau senda secara berlebihan perlu di elakkan kerana ia akan mengurangkan kehormatan diri dan mungkin akan melukakan perasaan orang lain ('Aidh Abdullah al-Qarni, 2010: 355). Manusia sentiasa alpha dan lalai dalam kehidupan sehari-hari sepertimana sabda Rasullullah s.a.w. (Abu Dawud, 1994: 4338; al-Tirmidhi, 1994: 2237; Ahmad, 1994: 19191; al-Darimi, t.t.: 2586):

عَنْ بَهْزِبْنِ حَكِيمٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ وَيْلٌ لِلَّذِي يَحْدُثُ فِي كَذَبٍ لِيَضْحِكَ بَهْرَمَةَ الْقَوْمِ وَيْلٌ لَهُ وَيْلٌ لَهُ

Maksud: Bahz bin Hakim ia berkata; telah menceritakan kepadaku bapakku dari bapaknya ia berkata, "Aku mendengar Rasulullah

s.a.w. bersabda: "Celakalah bagi orang yang berbicara lalu berdusta untuk membuat orang lain tertawa. Celakalah ia, celakalah ia."

(*Al-Tirmidhi, Abu Daud, Ahmad, dan al-Darimi*)

Menjauhi banyak ketawa juga merupakan adab dalam bergurau senda (Hussin Salaman & Mohd Nasir Ripin, 1997: 152). Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud (*al-Tirmidhi*, 1994: 2227):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَنْ يَأْخُذُ عَنِ الْهُوَلِ الْكَلْمَاتَ فَيَعْمَلُ بِهِنَّ أَوْ يَعْلَمُ مَنْ يَعْمَلُ بِهِنَّ فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ فَقُلْتُ أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَأَخَذَ بِيَدِي فَعَدَ خَمْسًا وَقَالَ أَتَقُ الْمَحَارِمَ تَكُنْ أَعْبُدُ النَّاسَ وَارْضَ بِمَا قَسَمَ اللَّهُ لَكَ تَكُنْ أَغْنَى النَّاسَ وَأَحْسَنُ إِلَى جَارِكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا وَأَحَبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ تَكُنْ مُسْلِمًا وَلَا تُكْثِرِ الضَّحْكَ فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحْكِ تُمِيتُ الْقُلُوبَ

Maksud: *Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w. bertanya: "Siapa yang mahu mengambil kalimat itu dariku lalu mengamalkannya atau mengajarkan pada orang yang mengamalkannya?" Abu Hurairah menjawab: Saya, wahai Rasulullah. Beliau memegang tanganku lalu menyebut lima perkara: "Jagalah dirimu dari perkara yang haram nescaya kamu menjadi orang yang paling ahli ibadah, terimalah pemberian Allah dengan rela nescaya kau menjadi orang terkaya, berbuat baiklah terhadap jiranmu nescaya kamu menjadi orang mukmin, cintailah untuk sesama seperti yang kau cintai untuk dirimu sendiri nescaya kau menjadi orang muslim, jangan sering tertawa karena seringnya tertawa itu mematikan hati."*

(*Al-Tirmidhi*)

Selain itu, terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh manusia bahkan boleh dikatakan setiap hari. Antaranya ialah manusia selalu membuang masa dan membicarakan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Mereka juga sering memberi perhatian yang terlalu besar terhadap masalah remeh seperti suka mendengar khabar angin dan gosip ('Aidh Abdullah al-Qarni, 2010: 353-355).

### **KETAWA DAN JENAKA DAPAT MENGERATKAN SILATURAHIM**

Kehidupan pada zaman sekarang memerlukan manusia mengejar masa dan menyebabkan kekurangan masa yang diperuntukan oleh orang terdekat seperti keluarga dan jiran-jiran. Oleh itu sukarlah untuk seseorang menjalinkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Kita sebagai Khalifah bumi mempunyai naluri untuk bergurau senda sesama kita agar hubungan antara kita lebih erat. Terdapat juga manfaat lain apabila bergurau senda seperti dapat mengurangkan kebosanan, memudahkan komunikasi dan sebagainya.

Tetapi kita juga haruslah beringat ketika bergurau senda kerana dikhuatiri berlaku perkara yang tidak diingini seperti meranapkan silaturahim apabila ada yang berkecil hati dengan gurauan kita yang berlebihan. Sesetengah manusia ada yang bergurau tanpa menyedari ada hati yang terluka oleh setengah pihak. Baginda Rasullullah juga selalu berjenaka dengan perkara-perkara yang benar kerana baginda khuatir ketawa menyebabkan umat Islam lupa pada Allah S.W.T. Oleh itu, baginda tidak berjenaka dengan kisah lucu yang sia-sia.

Adab pergaulan juga harus dititik beratkan ketika bergurau senda mengikut garis panduan Islam. Antaranya ialah kita tidak sepatutnya ketawa terbahak-bahak cukup sekadar menampak wajah yang berseri-seri. Selain itu senyuman juga harus diberikan ketika bertemu dengan orang lain. Ucapan yang lembut juga merupakan adab pergaulan ketika bergurau senda. Selain itu, kita haruslah

lebih menjalankan persahabatan dan silaturahim dengan orang-orang alim dan soleh, atau orang yang pintar lagi pemaaf mahupun orang yang bertaqwah dan lagi banyak berdoa (Hussin Salomon, 1997: 152-153). Allah berfirman:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَحْدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ  
بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksud: Wahai manusia, bertawakal kepada Raab-Mu yang telah menciptakanmu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isteriny, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakan laki-laki dan perempuan yang banyak, dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan menggunakan Nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain dan (peliharalah) hubungan silaturahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.

(Surah *al-Nisaa'*, 4:1)

Selain itu, hamba Allah juga mampu untuk mencapai cinta orang lain tanpa bergurau senda sahaja ('Aidh Abdullah al-Qarni, 2010: 260). Nabi Ibrahim a. s berkata:

وَاجْعَلْ لِي لِسَانَ صَدِيقٍ فِي الْأَخْرَى ﴿٨٤﴾

Maksud: Dan jadikan aku buah tutur yang baik bagi orang-orang (yang datang kemudian).

(Surah *al-Syu'ara'*, 26:84)

Tutur kata yang lembut dan akhlak yang baik akan menyebabkan orang lain bersimpati dan sayang kepada kita. Sikap yang lembut adalah salah satu sebab yang kukuh untuk menarik minat orang lain kepada kita tanpa bergurau senda ('Aidh Abdullah al-Qarni, 2010: 355). Sepertimana Rasullullah s.a.w. Bersabda (Muslim, 2001: 4694):

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ هَلَالٍ عَنْ جَرِيرٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ مَنْ يَحْرِمُ الْرَّفِيقَ يَحْرِمُ الْخَيْرَ

Maksud: '*'Abdur Rahman bin Hilal dari Jarir dari Nabi s.a.w. bersabda: "Barang siapa dijauhkan dari sifat lemah lembut (kasih sayang), berarti ia dijauhkan dari kebaikan."*

(Muslim)

Hadis ini disokong lagi dengan hadis 'A'ishah r.a. Hal ini demikian (Abu Dawud, 1994: 2119):

عَنْ الْمِقْدَامِ بْنِ شُرَيْحٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا  
عَنِ الْبَدَاوَةِ فَقَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَبْدُو إِلَيْهِ هَذِهِ التَّلَاعَ وَإِنَّهُ أَرَادَ  
الْبَدَاوَةَ مَرَّةً فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ نَاقَةً مُحَرَّمَةً مِنْ إِبْلِ الصَّدَقَةِ فَقَالَ لَيْ يَا  
عَائِشَةَ ارْفُقْهِ فَإِنَّ الرَّفِيقَ لَمْ يَكُنْ فِي شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا زَانَهُ وَلَا نُزِعَ مِنْ  
شَيْءٍ قَطُّ إِلَّا شَانَهُ

Maksud: *Al-Miqdam bin Syuraih, dari ayahnya, ia berkata; aku bertanya kepada 'A'ishah, r.a. mengenai kehidupan secara nomad, lalu Aisyah berkata; Rasulullah s.a.w. pernah keluar menuju*

menuju dataran tinggi ini dan beliau menginginkan kehidupan nomad kembali, lalu beliau mengirimkan seekor unta yang belum dinaiki dan belum digunakan dari unta zakat. Beliau berkata kepadaku: "Wahai Aisyah, bersikaplah lembut, sesungguhnya kelembutan tidaklah ada pada sesuatu kecuali akan menghiasinya dan tidaklah tercabut dari sesuatu melainkan akan memberikan aib padanya."

(Abu Dawud)

Kita juga tidak harus berdukacita kerana berdukacita akan membawa kecelakaan. Hal ini kerana Allah pernah berfirman:

وَلَا تُلْقِوْا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْهَلَكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ  
١٩٥

Maksud: *Dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri dalam kebinasaan, dan baikilah (dengan sebaik-baiknya Segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

(Surah al-Baqarah, 2:195)

Oleh itu, dengan banyak tersenyum hati akan menjadi girang, hidup menjadi tenang dan kebaikan akan tertanam dalam diri dan keburukan dapat dihindari.

## TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT

Adakah tanggugjawab itu merupakan satu bebanan kepada bagsa dan masyarakat? Tetapi yang sebenarnya tanggugjawab itu merupakan bebanan kita bersama. Tanggugjawab tersebut harus dipikul mengikut kemampuan yang dimiliki masing-masing. Contohnya seperti si alim lebih bertanggungjawab daripada si jahil, tanggugjawab pengusa lebih berat daripada rakyat biasa (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 38). Rasullullah meletakkan tanggugjawab tersebut mengikut kemampuan

masing-masing. Baginda bersabda (Muslim, 2001: 3408):

عَنْ أَبِنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ  
وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَتِهِ

Maksud: *Ibnu Umar dari Nabi s.a.w., bahawa beliau bersabda: "Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya."*

(Muslim)

Umat Islam haruslah saling mengingati antara satu sama lain tentang kewajiban kepada Allah dan syariat-Nya. Amar makruf nahi mungkar juga merupakan tugas khusus bagi mereka (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 39). Allah berfirman:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُنَّ لِآءٍ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيَؤْتُونَ الزَّكَوةَ  
وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ  
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

٧١

Maksud: *Orang-orang yang beriman baik lelaki maupun perempuan, satu sama lain menjadi wali bagi yang lain. Mengajak orang melakukan amal makruf dan melarang orang berbuat munkar. Mereka menegakkan solat, menunaikan zakat dan patuh kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

(Surah *al-Taubah*, 9:71)

Kerja kemasyarakatan juga amatlah perlu dalam sesebuah masyarakat (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 122). Contohnya seperti sukarelawan penggerakan Islam harusla menolong orang yang memerlukan bantuan dari segi agama, makanan, pakaian dan sebagainya. Oleh itu, secara tidak langsungnya kemasyarakatan Islam kian mengembang dalam diri seseorang (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 123). Sesungguhnya kerjasama antara masyarakat ini amatlah diperlukan dan tidaklah hanya dipertontonkan oleh sesetengah pihak padhal wajib bagi mereka untuk bertanggugjawab diatas lapangan masing-masing (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 124). Seperti yang difirmankan oleh Allah S.W.T.:

قُلْ يَقُولُ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَاتِبِكُمْ إِنِّي عَامِلٌ

Maksud: *Katakanlah, hai kaumku, bekerjalah kamu menurut keadaan kamu masing-masing dan aku juga bekerja.*

(Surah *al-An'am*, 6:135)

Kita tidaklah sepatutnya hanya mendengar perintah dari pihak atasan sahaja jika ingin melakukan sesuatu perkerjaan. Kita juga boleh bertindak dengan sendirinya jika sesuatu perkerjaan kita itu merupakan sebuah tanggungjawab kita sendiri. Apa yang pentingnya kita haruslah melakukan kerja yang sesuai dan selaras dengan diri masing-masing. Siapa yang mampu membuang duri dijalanan, hendaklah ia membuangnya dan siapa yang biasa menabur benih dibumi, hendaklah ia menaburnya (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 125). Sesiapa yang mampu menderma walaupun hanya sedirham maka sumbangkanlah. Dan janganlah kita takut dan malu kepada orang-orang yang munafik. Seperti firman Allah S.W.T.:

الَّذِينَ يُلْمِزُونَ الْمُطَّهِّرِينَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فِي  
 الْصَّدَقَاتِ وَالَّذِينَ لَا يَحِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ فَيَسْخَرُونَ  
٧٩  
 مِنْهُمْ سَعْرَ اللَّهُ مِنْهُمْ وَهُمْ عَذَابُ أَلِيمٍ

Maksud: Yang mengejek orang-orang yang berbuat baik di antara orang beriman yang memberi sedekah, yang tiada mereka peroleh melainkan dengan jernih payah, lalu mereka diperlok-lokan. Allah memperlok-lokan mereka pula, dan bagi mereka seksa yang pedih.

(Surah *al-Taubah*, 9:79)

Wang yang sedirham itu lebih bermakna dalam timbangan Allah berbanding yang beratus dirham mengikut niat masing-masing. Sesungguhnya Islam tidak pernah meremehkan nilai amal soleh meskipun dengan nilai yang terlalu kecil. Allah akan menilai segala kebaikan walaupun sebesar zarah dan niat yang ikhlas amatlah penting (Yusuf al-Qardhawi, 1998: 126-127).

## **IBU BAPA MERUPAKAN ‘ROLE MODEL’ KEPADA ANAK-ANAK**

Perkataan ‘role model’ telah begitu sinonim dengan kita. Seperti yang kita tahu, ia membawa maksud contoh kepada sesuatu perkara. Contoh yang ditunjukkan mestilah yang mengarah kepada kebaikan. Sebagai ibu bapa yang prihatin, mereka inginkan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan contoh yang terdekat kepada anak-anak. Atau dalam kata lain, ibu bapa merupakan ‘role model’ kepada anak-anak. Seperti kata pepatah ‘ke mana tumpahnya kuah kalau bukan ke nasi’. Siapa lagi yang akan mencontohi ibu bapa mereka kalau bukan anak-anak mereka sendiri.

Sejak dari kecil lagi anak-anak haruslah dididik dengan didikan agama. Mereka mestilah dididik supaya mengenal pencipta dan pentadbir sekelian alam iaitu Allah SWT. Bukan itu sahaja, mereka juga dididik supaya mengenal rasul dan mengenal munafik, musyrik, kafir dan murtad (Ismail Kamus, 2010: 12). Firman Allah:

قُلْ لَاَمَّا لِنَفْسِي ضَرًّا وَلَا نَقْعًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ  
إِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْبِلُونَ ۝٤٩

Maksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak berkuasa menolak mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang ditetapkan; maka apabila tempohnya, tidak dapat mereka melambatkannya sesaatpun, dan tidak dapat mereka menyegerakannya".*

(Surah Yunus, 10:49)

Selain itu, dalam Islam menggalakkan anak-anak dididik mengerjakan solat sejak dari umur tujuh tahun lagi. Dalam usia tersebut jika mereka tidak menuaikan solat ibu bapa haruslah memarahi mereka (Ismail Kamus, 2010: 23). Hadis Nabi S.W.T. (Abu Dawud, 1994: 418):

عَنْ عُمَرِ بْنِ شُعَيْبِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مُرْوَأ  
أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ  
عَشْرٍ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksud: *Amru bin Syu'aib dari ayahnya dari datuknya dia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: Perintahkanlah anak-anakmu untuk*

*melaksanakan solat apabila sudah mencapai umur tujuh tahun, dan apabila sudah mencapai umur sepuluh tahun maka pukullah dia apabila tidak melaksanakannya, dan pisahkanlah mereka dalam tempat tidurnya."*

(Abu Dawud)

Ibu bapa yang tidak meninggalkan solat akan dicontohi oleh anak-anak mereka. Contohnya, setiap hari ibu bapa menunaikan solat berjemaah di rumah. Amalan ini secara tidak langsung akan diikuti oleh anak mereka. Sekali gus dapat megelakkan anak-anak mereka daripada perkara yang tidak berfaedah. Anak-anak yang mendapat didikan beribadat di peringkat asas ini akan memiliki kesihatan jasmani, kemuliaan akhlak dan berperwatakan yang disukai ramai (Ismail Kamus, 2010: 23).

Bukan itu sahaja, anak-anak juga harus dididik dengan bacaan al-quran sejak dari kecil lagi. Pengajaran dan pembacaan al-Quran amat digalakkan kerana ia merupakan suatu keutamaan sepertimana keutamaan menegakkan agama Islam. Dengan menerapkan pembacaan al-Quran dalam diri anak-anak, ia dapat memupuk asas keimanan dalam diri mereka (Ismail Kamus, 2010: 24). Satu hadis ada menyebut (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا  
يُوَلَّ عَلَى الْفُطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهُودِانُهُ وَيُنَصْرَانُهُ وَيُمْجَسَّانُهُ

Maksud: Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkristiankannya atau memajusikannya."

(Muslim)

Dengan membaca al-Quran juga dapat meningkatkan potensi perkembangan anak-anak. Fakta telah menunjukkan dengan menerapkan

nilai membaca al-Quran sejak dari kecil dapat meningkatkan perkembangan otak kanak-kanak. Pada peringkat inilah masa yang paling penting untuk ibu bapa merangsang serta meningkatkan potensi minda anak-anak mereka supaya menjadi lebih bijak dalam apa jua keadaan sekali pun (Ismail Kamus, 2010: 24).

Seperti yang semua tahu, ibu bapa merupakan individu yang penting dalam mendidik anak-anak mereka. Dalam kajian pakar dan para ilmuan juga telah membuktikan ibu bapa perlu memastikan anak mereka mendapat pendidikan seawal yang mungkin. Interaksi yang baik antara ibu bapa dan anak merupakan faktor utama menjadikan anak mereka seorang yang bijak dan serba boleh dalam apa jua keadaan sekali pun. Ibu bapa yang prihatin akan melahirkan anak yang pintar dan cerdas (Ismail Kamus, 2010: 25).

## MASA DAN KELUARGA

Minit waktu adalah harta yang paling bernilai bagi kehidupan setiap muslim. Setiap minit berjalan dalam kehidupan seorang muslim, Allah sentiasa menghitung dan mengawasinya ('Aidh Abdullah al-Qarni: 2006, 111). Allah berfirman di dalam al-Quran:

اللَّهُ يَنْوِي الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا  
فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَى عَلَيْهَا الْمَوْتَ وَيُرِسِّلُ الْأُخْرَى إِلَى أَجَلٍ  
مُّسَمًّى إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ

﴿٤٢﴾

Maksud: *Allah (yang Menguasai segala-galanya), ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: Dalam masa tidurnya; kemudian ia menahan jiwa orang yang ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya)*

*sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).*

(Surah *al-Zumar*, 39:42)

Bak kata Fadzilah Kamsah, “hubungilah ibu bapa kamu sekerap yang boleh. Jangan sampai mereka yang menghubungi kita. Hal ini demikian kerana, takut ibu bapa kita telah berkecil hati sekali gus kita menjadi anak derhaka”. Tiada siapa anak-anak yang berada di dunia ini ingin menjadi anak yang derhaka. Sekiranya boleh, semua anak yang berada di dunia ini ingin lakukan yang terbaik untuk kedua ibu bapa mereka. Sejak dari kecil lagi ibu bapa telah menjaga serta mendidik anak-anak seperti menatang minyak yang penuh. Kini, setelah dewasa giliran anak-anak pula untuk membalaaskan serta mengenang jasa mereka.

Dalam Islam juga menggalakkan kita memberi salam dan bertanya khabar. Setiap perkara yang digalakkan dalam Islam ada hikmahnya. Begitu juga dengan memberi salam dan bertanya khabar. Hikmahnya adalah mengeratkan perpaduan, ikatan persefahaman dan kasih-mengasihi sesama ahli masyarakat (Ismail Kamus, 2010: 206). Rasulullah s.a.w. bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Daud r. a. (1994: 4520):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَرَقَ قَالَ  
تُطْعَمُ الطَّعَامُ وَنَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَىٰ مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرَفْ

Maksud: Abdullah bin Amru berkata, "Seorang laki-laki bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Islam bagaimakah yang paling baik?" beliau menjawab: "Engkau memberikan makanan dan memberi salam kepada orang yang kamu kenal atau pun orang yang tidak kamu kenal."

(Abu Dawud)

Selain daripada bertanya khabar. Anak-anak harus menziarahi kedua ibu bapa mereka. Ibu bapa berasa sangat gembira jika anak-anak mereka meluangkan masa bersama mereka. Untuk pengetahuan anak-anak, ibu bapa berasa kesunyian apabila anak mereka tiada di rumah. Hal ini demikian kerana, bertahun-tahun ibu bapa menjaga anak mereka. Bila tiba masa, anak mereka pergi meninggalkan mereka atas sebab-sebab tertentu. Seperti melanjutkan pelajaran, bekerja, berkahwin dan sebagainya.

Sebagai anak yang mengenang jasa kedua ibu bapa, jika mereka ada masa lapang mereka haruslah menziarahi dan meluangkan lebih masa dengan ibu bapa mereka. Lakukan banyak aktiviti bersama supaya ikatan kekeluargaan sentiasa terjalin dengan begitu mesra dan erat. Lebih elok sekiranya anak-anak merancang sebuah percutian bersama kedua ibu bapa mereka. Bawa kedua ibu bapa ke tempat yang menarik dan meriah untuk meluangkan masa bersama keluarga. Contohnya anak-anak merancang suatu aktiviti yang bersesuaian untuk dilakukan oleh seisi keluarga. Waktu begini mesti sangat seronok dan sangat diinginkan oleh kedua ibu bapa. Ibu bapa sudah semestinya merasa sangat gembira. Junjungan bersabda (Ahmad, 1994: 17070):

حَدَّثَنَا أَبُو ثَعْلَبَةُ الْخُشَنِيُّ قَالَ كَانَ النَّاسُ إِذَا نَزَلَ رَسُولُ اللَّهِ مَنْزِلًا فَعَسَكَرَ تَفَرَّقُوا عَنْهُ فِي الشَّعَابِ وَالْأَوْدِيَةِ فَقَامَ فِي فَقَالَ إِنَّ تَفَرَّقَكُمْ فِي الشَّعَابِ إِنَّمَا ذَلِكُمْ مِنَ الشَّيْطَانِ قَالَ فَكَانُوا بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا نَزَلُوا انْضَمُوا بَعْضَهُمْ إِلَى بَعْضٍ حَتَّى إِنَّكُمْ لَتَقُولُونَ لَوْ بَسَطْتُ عَلَيْهِمْ كِسَاءً لَعَمِّهُمْ أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ

Maksud: *Abu Ts'labah al-Khusyani ia berkata, "Jika Rasulullah s.a.w. singgah di suatu tempat dan hendak mengumpulkan (para sahabat), mereka memisahkan diri darinya di bukit-bukit dan*

*lembah. Maka beliau berdiri di hadapanku seraya bersabda: "Keadaan kamu berpecah-pecah begini adalah menurut hajat syaitan. Maka selepas dari itu tidaklah lagi mereka berhenti di mana-mana tempat melainkan mereka berkumpul seraparapatnya sehingga dikatakan kalau dibentang sebelai kain pun nescaya dapat kesemua duduk di atasnya."*

(Ahmad)

Kata pepatah ada menyebut, ‘hargailah suatu benda yang ada di depan mata kita.’ Selagi ibu bapa kita bernyawa selagi itu lah kita bertanggungjawab ke atas mereka. Selagi itulah kita harus membala jasa mereka mengikut kemampuan diri. Macam mana sibuk sekali pun seorang anak itu, dia pasti ada masa untung kedua ibu bapa mereka. Hal ini demikianlah yang dikatakan anak solehah. Oleh itu, diharap semua agar dapat sentiasa menginvestasikan waktu dan detik berharga yang kita miliki dalam ibadat dan keluarga sebagai ketaatan kepada-Nya dengan mengharap reda-Nya (‘Aidh Abdullah al-Qarni, 127).

## GURU MERUPAKAN IBU BAPA KEDUA KEPADA ANAK-ANAK

Bercakap mengenai ilmu, sudah pastinya semua orang memahami hakikat tentangnya. Tidak kiralah ilmu dunia ni mahupun ukhrawi, manusia tidak lari dengan dari menuntutnya. Menuntut ilmu merupakan satu kewajipan kepada setiap muslim. Satu Athar menjelaskan (al-Dinawuri, 1419H: 309/2):

عَنِ الزَّنْجِيِّ بْنِ حَالَدٍ ؛ قَالَ : دَخَلْنَا عَلَى الزُّهْرِيِّ وَنَحْنُ غُلْمَانٌ ، فَقَالَ  
لَنَا : اطْلُبُوا الْعِلْمَ ؛ فَإِنْ أَرِدْتُمُ الدُّنْيَا نَلْتُمْ ، وَإِنْ أَرِدْتُمُ الْآخِرَةَ نَلْتُمْ .

Maksud: *Al-Zanji bin Khalid berkata, "Kami masuk kepada al-Zahri sedangkan ketika itu kami masih kanak-kanak. Lalu Beliau telah berkata kepada kami, Pelajarilah ilmu pengetahuan, sesungguhnya jika kamu hendak dunia kamu akan dapat melaluinya, dan jika kamu hendak dapat akhirat kamu akan dapat melaluinya.*

Maka kita sebagai umat Islam wajib untuk mengambil tahu tentang ilmu-ilmu di dunia ini tidak kira ilmu dunia malah akhirat juga. Ketika berbincang mengenai ilmu, guru memainkan peranan penting dalam pengisian ilmu. Guru merupakan salah satu profession yang sangat mulia disisi agama. Mereka bukan sahaja sekadar mengajar ilmu, malahan mereka merupakan ibu-bapa kedua anak-anak kita.

Perkataan ibu bapa merupakan panggilan yang digunakan kepada manusia yang melahirkan dan membesarakan anak-anak. Kita lihat pada zaman ini, manusia berlumba-lumba mengejar cita-cita dan impian mereka. Anak-anak telah dihantar ke sekolah. Dari segi masa sebenarnya telah menunjukkan yang anak-anak pada zaman sekarang mempunyai masa bersama dengan guru. Satu pertiga masa anak-anak adalah masa bersama guru-guru di sekolah. Masa guru bersama anak-anak dari pagi hingga tengahari bagi anak-anak yang bersekolah rendah. Walhal bagi anak-anak yang dihantar ke sekolah agama bermula dari tengahari hingga lewat petang. Satu pertiga iaitu disebelah malam adalah merupakan waktu tidur anak-anak. Cuma satu pertiga sahaja bagi ibu bapa untuk meuangkan bersama anak-anak pada hari bekerja itupun jika ibu bapa mereka bekerja hanya pada waktu siang. Jika ibu-bapa bekerja pada waktu malam, hanya beberapa jam sahaja mereka dapat melihat dan memerhati anak-anak mereka. Maka, guru-guru jugalah yang paling banyak meluangkan masa untuk anak-anak berbanding ibu bapa. Tidak hairanlah jika guru-guru merupakan ibu bapa kedua kepada anak-anak.

Apabila menyebut mengenai guru, kita tahu bahawa mereka merupakan pengajar tentang ilmu-ilmu di sekolah. Mereka bukan sahaja sekadar mengajar ilmu, malah menjadi sumber rujukan anak-anak untuk mendalami ilmu yang mereka pelajari (Nor Raudah Hj. Siren: 25, 2006). Lebih penting lagi, guru merupakan salah seorang pendorong anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran dan pembangkit semangat untuk anak-anak agar terus menuntut ilmu bagi mencapai cita-cita anak-anak. Guru-guru juga tidak berkira dan tidak kedekut dalam tugas mereka dalam mendidik anak-anak. Malah guru juga sanggup meluangkan masa yang lebih untuk memastikan anak-anak terus konsisten dengan pelajaran. Guru-guru bukan sahaja mencurahkan ilmu dunia, malah ilmu ukhrawi juga dalam membimbing anak-anak di sekolah. Selalunya ibu bapa di rumah juga tidak sempat untuk mengajar ilmu-ilmu agama di rumah walhal gurulah memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi anak-anak.

Sebagai seorang guru, mereka ini telah dilatih dan didedahkan dengan peribadi yang baik supaya komited dalam kerjaya mereka. Akhlak-akhlak mulia juga telah diterapkan dalam diri guru-guru semasa mereka menjalani latihan sebelum menjadi seorang guru. Bersesuaian dengan sirah perjuangan Rasulullah yang secara pastinya akan diuji ketahanan mental dan fizikalnya (Nor Raudah Hj. Siren: 2006, 25). Guru-guru juga menjadi role model untuk anak-anak dengan menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak. Anak-anak akan mengikut peribadi guru-guru mereka sekiranya guru-guru mempunyai peribadi yang elok. Jikalau guru-guru tidak menunjukkan contoh dan teladan yang baik, anak-anak akan berterusan melakukan kesilapan akibat pengaruh rakan sebaya tanpa pengawasan dari ibu bapa. Sebagai ibu bapa kedua anak-anak, guru-guru akan menunjukkan teladan yang baik agar mereka disegani dan dihormati pelajar sebagaimana anak-anak menghormati ibu bapa mereka sendiri di rumah.

Anak-anak yang sedang membesar memerlukan bimbingan dan teguran dari orang yang lebih dewasa agar mereka tidak sesat

dalam mencari kehidupan dewasa mereka. Salah satu peranan guru-guru adalah menjadi kaunselor kepada anak-anak. Oleh disebabkan satu pertiga masa anak-anak adalah bersama guru, maka gurulah yang sentiasa memerhati dan menilai tingkah laku anak-anak sepanjang pembelajaran mereka. Guru-guru juga yang akan menegur kesilapan anak-anak sepanjang masa mereka bersama di sekolah agar anak-anak menjadi orang yang berdisiplin di dalam segala urusan kehidupannya (Muhammad Ahmad Abdul Jawwad, 2004: 54). Guru-guru juga akan mengajar anak-anak agar tidak berterusan melakukan perkara-perkara yang tidak elok sama ada berkelahi dan sebagainya. Jarang kita melihat guru-guru akan membiarkan anak-anak untuk terus melakukan perkara-perkara yang tidak beradab. Denda yang guru-guru kenakan kepada anak-anak bukanlah bertujuan untuk menyeksa anak-anak, sebaliknya untuk tujuan menyedarkan anak-anak agar tidak berterusan melakukan kesilapan dan sentiasa beringat agar tidak mengulangi perbuatan yang ditegur oleh guru-guru. Bagi pelajar-pelajar yang bermasalah, kaunselor disekolah telah dilatih untuk menangani masalah anak-anak. Besarnya peranan guru-guru ini untuk memberi nasihat dan teguran serta kata-kata semangat kepada anak-anak yang bermasalah supaya mereka tidak rasa bersendirian dan terpinggir. Nasihat-nasihat yang diberikan bukan sahaja dapat meringankan beban fikiran anak-anak, malah memberi semangat untuk anak-anak agar teros mencapai cita-cita mereka. Kebanyakan ibu bapa tidak mempunyai masa untuk semua ini dan mereka hanyalah tahu mencari rezeki bagi menyara anak-anak mereka. Ibu bapa tidak boleh disalahkan tetapi guru-guru sangat memainkan peranan dalam tumbesaran anak-anak yang semakin meningkat dewasa. Tidak hairanlah jika kita sebut guru-guru merupakan ibu bapa kedua kepada anak-anak.

## **SIKAP, PERIBADI DAN MINDA MUSLIM**

Kita perlu ingat bahawa sebagai manusia serta khalifah di bumi ciptaan Allah ini sentiasa di uji serta di cabar oleh bisikan syaitan.

Kita begitu mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang mungkar. Oleh itu, kita harus sentiasa berwaspada supaya dapat mengawasi diri daripada terjebak dengan perkara yang dilarang dalam Islam. Kita harus melatih hati kita sentiasa berdoa supaya kita menerima manfaat serta petunjuk daripada Allah. Jika ia tidak dilatih daripada awal maka kita akan mudah terpengaruh dengan godaan syaitan.

Dalam diri kita perasaan bongkak harus dijauhi. Hal ini demikian kerana perasaan tersebut hasutan daripada syaitan lakinallah. Sedangkan sesetengah pemimpin serta para ulama mengalami pekerja yang sama, inikan pula kita sebagai manusia biasa yang imannya hanya senipis kulit bawang. Selain itu, sifat bongkak juga boleh menjadikan individu seorang yang ganas, berhati batu serta tidak endah kepada perasaan orang lain. Bagi mengelakkkan perasaan itu kalimah Bismillah boleh diamalkan bagi memperingatkan kita tentang kebesaran Allah supaya kita dapat menjalani hidup sebagai seorang muslim yang sejati dan mendapat keredhaan daripada-Nya (Jahaberdeen Mohamed Yunoos, 2006: 29-30).

Selain itu, sebagai seorang muslim kita haruslah menjaga sikap kita walau dimana sahaja kita berada. Contohnya, ketika ditempat kerja kita bersikap kasar kepada orang lain. Kita juga sanggup pecah amanah serta khayal dengan kuasa yang disandang walaupun ianya hanyalah sandiwara dunia. Oleh itu, kita haruslah bertindak dengan penuh kemaafan dan kasih sayang. Hal ini demikian kerana apabila perasaan itu muncul dalam diri kita ia merupakan suatu sikap datang dari hati yang selalu sujud kepada Allah. Sifat ego haruslah kita jauhi kerana ia akan membuatkan kita mengikuti keinginan kita sendiri walaupun ianya palsu dan tidak baik. Seseorang yang melakukan sesuatu hanya berpandukan egonya sendiri tidak akan memikirkan kemunasabahan tindakannya serta tidak memikirkan orang lain. Seseorang Muslim tidak akan lupa bahawa Iblis telah dilaknat oleh Allah hanya kerana sikap bongkaknya (Jahaberdeen Mohamed Yunoos: 2006: 31-34). Seperti firman Allah dalam surah al-A'rafat 12 hingga 13. Allah berfirman:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَا تَسْجُدَ إِذْ أَمْرَتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ  
وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ۝ ۱۲ قَالَ فَاهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَنْ تَتَكَبَّرَ  
فِيهَا فَأَخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ الصَّاغِرِينَ ۝ ۱۳

Maksud: Allah berfirman, "Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" Iblis menjawab: "Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah." Allah berfirman: "Turunlah engkau dari surga ini, kerana tidak patut engkau berlaku sombang di dalamnya; oleh sebab itu keluarlah, Sesungguhnya engkau dari golongan yang hina".

(Surah al-A'raf, 7:12-13)

Kita perlu ingat bahawa kebaikan dan kejahatan adalah perkara yang amat luas pengertiannya. Ia menjadi suatu kerugian jika ia disempitkan kepada pengalaman atau peninggalan upacara semata-mata. Kehidupan sesorang Muslim adalah untuk mengabdikan dirinya kepada Tuhan yang telah menciptakannya. Hal ini demikian dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud:

۝ ۱۴ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَسُكُونِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِقِ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksud: "Katakanlah: sesungguhnya, solatku, ibadatku, hidupku dan matiku semuanya bagi Allah Tuhan semesta alam"

(Surah al-An'aam, 6:162)

Cara hidup yang digalakkandalam Islam secara ringkasnya merangkumi penganutan nilai positif seperti menyembah hanya

Tuhan yang Esa, membantu sanak saudara dan mereka yang lemah menggunakan minda dan mengamalkan sikap yang kritis, berbudi bahasa dan menggunakan kaedah yang berkesan dalam berdakwah serta cekap mengendalikan belanjawan. Dalam masa kini yang penuh dengan pelbagai cabaran sikap yakin diri yang berasaskan kepercayaan kepada Allah adalah perkara yang amat penting. Hal ini demikian kerana Allah tidak pernah membebangkan hamba-Nya dengan perkara yang mereka tidak mampu untuk hadapinya. Oleh itu, sebagai hamba kita tidak perlu berputus asa dalam menghadapi sebarang masalah kerana ia boleh diatasi dengan kecekalan usaha dan kesabaran.

Sebagai seorang Muslim janganlah kita mensia-siakan hidup kerana hakikat yang sebenarnya kehidupan manusia amatlah singkat dan ianya hanyalah sementara (Jahaberdeen Mohamed Yunoos, 2006: 50). Janganlah kita berfikiran bahawa apabila umur sudah tua barulah melakukan ibadah dan bertaubat. Hal ini demikian merupakan andaian yang palsu dan menakutkan. Hal ini demikian kerana ajal di tangan Allah dan tiada siapa yang dapat mengetahuinya. Bagaimana pula jika kita tidak diberi peluang yang panjang untuk beribadah kepada Allah (Jahaberdeen Mohamed Yunoos, 2006: 51)? Allah berfirman:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا

يَسْقِدُ مُؤْنَةً



Maksud: *Bahawa apabila tempoh kita sampai, ia tidak dapat dipanjangkan walaupun sesaat pun. Bagi tiap-tiap umat, ada ajalnya. Apabila datang ajal mereka itu, tiada dapat mereka menggundurkannya dan tiada pula minta mendahulukannya sesaat juga pun. ”*

(Surah al-A'raf, 7:34)

Namun, realiti ayat seperti ini hampir susah untuk dipercayai oleh sesetengah umat manusia sehingga ianya terjadi kecuali bagi yang beriman kepada-Nya sahaja. Oleh itu, kita tidak haruslah mempertengahkan soal umur kerana ianya tidak menjamin kedudukan seseorang itu disisi Allah. Oleh itu, kita haruslah memanfaatkan setiap detik dalamke hidupan kita dengan beriman kepada-Nya (Jahaberdeen Mohamed Yunoos, 2006: 51-53).

## RUMUSAN

Keluarga merupakan suatu elemen yang penting dalam diri setiap individu. Dari mana datangnya seseorang kalau bukan dari sebuah keluarga. Keluarga yang bahagia merupakan keluarga yang bersederhana dalam apa jua keadaan sekali pun. Selain itu, keluarga yang bahagia juga ialah keluarga yang menitik beratkan ajaran Islam dalam aktiviti seharian mereka.

## RUJUKAN

- 'Aidh Bin Abdullah al-Qarni. 2006. *La Tabzan*. Jilid 1. Puchong Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- 'Aidh Bin Abdullah al-Qarni. 2006. *Penyejuk Jiwa*. Puchong Selangor : Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid 'Abdirrahman al-Suhaihani, Dear Ibni Khuzaimah. 1414H-1993M. *Adaab Islamiyyah*. (Terj. Zaki Rahmawan dlm *Adab Harian Muslim Teladan*). Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah b. Bahram. t.t. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Dinawuri, Abu Bakr Ahmad bin Marwan al-Dinawuri al-Maliki. 1419H. *Al-Mujalisah wa Jawahir al-'ilm*. Jld. 1-10. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Hilali, Majdi. Majdi al-Hilali; penerjemah. 1999. *38 Sifat Generasi Unggulan*. Anggota LESPISI Kairo-Mesir: Gema Insani Press
- Al-Nasa'i , al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar. 1930. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hussin Salamon & Mohd Nasir Ripin. 1997. *Adab Sopan dan Budipekerti Dalam Islam, Panduan Aklak Islam*. Skudai Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Kamus. 2010. *Indahnya Hidup Bersyariat: Modul Fardhu Ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muhammad Ahmad Abdul Jawwad. 2004. *Pengurusan yang Efektif dalam Pentadbiran dan Pendidikan*. Berlian Publication, Kuala Lumpur.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Mustafa al- Adawi. 2007. *Mencapai Kebahagiaan Dengan Ilmu & Amal*. Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd. Puchong.
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh. 2012. Gurau Senda Eratkan Silaturahim dan Perpaduan dalam *Berita Harian Online* [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Gurausendaeratkan silaturahim\\_perpaduan/Article\\_Jumaat](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Gurausendaeratkan silaturahim_perpaduan/Article_Jumaat), 21 September 2012, 5 Zulkaedah 1433 H.

- Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Mohd Yusoff, Muhamudah Hj. Nawawi. 2006. *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur.
- Rahmat Ismail. 1997. Etika Sosial, *Satu Peradaban Dalam Kehidupan Sosial Manusia*. Utusan Publications & Distubutors Snd. Bhd 1997. Kuala Lumpur.
- Yusuf al-Qardhawi. 1998. *Dimana Punca Kelemahan Umat Islam Masa Kini*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.